

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MING
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH :

SOALAN :

Datuk Liang Teck Ming [Simpang Renggam] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan perkembangan terkini pasaran koko Malaysia serta apakah langkah proaktif Kementerian dalam mempertingkatkan pendapatan usahawan berasaskan koko sekaligus membangunkan industri coklat negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 Malaysia telah mengeksport biji koko kering dan produk-produk koko berjumlah RM5.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 14% berbanding RM5.0 bilion pada tahun 2015. Eksport produk-produk koko tempatan seperti lemak koko, serbuk koko, pes koko, kek koko dan coklat telah menyumbang sebanyak 75% daripada jumlah keseluruhan eksport koko dan produk-produk koko. Pasaran utama eksport negara adalah Asia dan Oceania sebanyak 41.4%, dan diikuti dengan wilayah Afrika (18.3%), Eropah (15.8%), Timur Tengah (12.5%) dan Amerika (12.0%).

Pada tahun 2016, terdapat sebanyak 6 syarikat pengisar koko di Malaysia dengan kapasiti pengisaran sebanyak 324,000 tan metrik. Manakala di sektor pengilangan coklat dan konfeksi koko, terdapat 51 pengilang coklat dan konfeksi koko dengan nilai jualan yang dianggarkan sebanyak RM1.1 bilion dan 194 usahawan coklat buatan tangan di seluruh Malaysia dengan nilai jualan dianggarkan berjumlah RM12.5 juta. Pecahan purata pendapatan bagi usahawan coklat bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

- (i) Seramai 167 orang usahawan Tahap 1 (pengeluaran kurang 100 kilogram sebulan) telah menerima purata pendapatan sebanyak RM303,427.57 sebulan;
- (ii) Seramai 10 orang usahawan Tahap 2 (pengeluaran antara 101-300 kilogram sebulan) telah menerima purata pendapatan sebanyak RM95,056.33 sebulan;

- (iii) Seramai 8 orang usahawan Tahap 3 (pengeluaran antara 301-800 kilogram sebulan) telah menerima purata pendapatan sebanyak RM196,083.17 sebulan; dan
- (iv) Seramai 9 orang usahawan Tahap 4 (pengeluaran melebihi 801 kilogram sebulan) telah menerima purata pendapatan sebanyak RM447,655.02 sebulan.

Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan bagi 194 usahawan adalah sebanyak RM1,042,222.09 sebulan, iaitu peningkatan sebanyak 9.1% dengan peningkatan bilangan usahawan sebanyak 9 orang berbanding tahun 2015.

Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan program bagi menggalakkan pertumbuhan usahawan yang berdaya saing dan mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara seperti berikut:

- (i) Mengadakan demo pengenalan, kursus asas, kursus lanjutan dan latihan kemahiran teknikal (*in-situ*);
- (ii) Menghubungkan usahawan yang sedia ada dengan agensi-agensinya kerajaan yang membiayai program pembiayaan perniagaan; dan
- (iii) Mengadakan jualan dan promosi produk-produk coklat melalui pameran-pameran domestik.

Sekian, terima kasih.